

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 18 JULAI 2017 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Aplikasi memudahkan pembayaran bil	Sinar Harian
2.	Gempa bumi kuat gegar wilayah Komandorskiye Ostrova, Rusia	BERNAMA

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN : MUKA SURAT 48
TARIKH : 18 JULAI 2017 (SELASA)



Lim Siang Yoong memberi ucapan pada majlis berkenaan.



Abu Bakar Mohamad menunjukkan layanan bagus selepas mencuba sendiri kiosk berkenaan.

Aplikasi memudahkan pembayaran bil

3,000 unit OneApps Paykiosk bakal beroperasi seluruh negara beri manfaat kepada orang ramai

M JEFFRI RAZALI

SEREMBAN - Sejumlah 3,000 unit OneApps Paykiosk dijangka akan beroperasi di seluruh negara menjelang akhir tahun ini bagi memudahkan orang ramai membayar pelbagai jenis bil mereka dengan lebih mudah.

Ini ekoran syarikat OneApps Group Sdn Bhd memperkenalkan aplikasi berkenaan yang merupakan satu platform bagi memberi kemudahan serta keselesaan kepada orang ramai melakukan pembayaran bil pada bila-bila masa.

Ia bukan sahaja memudahkan pembayaran bil utiliti dan bil-bil semasa yang lain, malah lebih mudah, cepat dan selamat untuk digunakan.

Pengarah Urusan OneApps Group Sdn Bhd, Lim Siang Yoong



Abu Bakar (tengah) ketika merasmikan majlis perasmian, baru-baru ini.

berkata, buat permulaan, seramai 10 vendor telah menyuarakan persetujuan mereka untuk menyertai aplikasi berkenaan.

Sebagai langkah permulaan, katanya, sejumlah 200 unit kiosk

akan ditempatkan di beberapa lokasi terpilih.

Antaranya, katanya, di pejabat Syarikat Air Negeri Sembilan (Sains), pejabat Pusat Zakat Negeri Sembilan (PZNS), Terminal Bas KL Hop On



Abu Bakar dan Siang Yoong (kanan) melihat dokumen yang ditandatangani.

● Oneapps Pay kiosk adalah platform online pay dan Oneapps Paykiosk.

Hop Off serta majlis tempatan.

"Bagaimanapun, sasaran kita untuk menempatkan lebih 3,000 unit kiosk di seluruh negara menjelang akhir tahun ini dengan lokasi seperti pejabat-pejabat kerajaan, syarikat swasta, pasar raya, stesen minyak serta kedai-kedai terpilih sebagai sasaran utama" katanya ketika ditemui selepas pelancaran OneApps Pay Kiosk oleh Timbalan Menteri, Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah, di sini, baru-baru ini.

Menurut Siang Yoong, peng-

guna tidak perlu bimbang apabila menggunakan kiosk berkenaan memandangkan segala pembayaran yang dibuat akan dikemaskinikan secara terus dengan vendor.

Selain itu, katanya, kiosk berkenaan turut dilindungi insurans.

"Perkhidmatan ini bukan sahaja akan memudahkan orang ramai, malah mereka juga tidak akan dikenakan sebarang caj transaksi atau caj perkhidmatan.

"Ini bermaksud, mereka hanya akan membayar jumlah yang tertera dalam bil mereka sahaja," katanya.

Oneapps Group Sdn Bhd turut mengalu-alukan kepada syarikat-syarikat dan juga usahawan-usahawan yang ingin memaparkan sebarang pengiklanan dan juga produk di skrin Oneapps Pay kiosk boleh menghubungi di talian 016-2130 796.



Perasmian OneApps Pay Kiosk di Seremban.



Gempa Bumi Kuat Gegar Wilayah Komandorskiye Ostrova, Rusia

Tarikh kemaskini: 17/07/2017

KUALA LUMPUR, 17 Julai (Bernama) -- Gempa bumi kuat bermagnitud 6.3 pada skala Richter menggegarkan Wilayah Komandorskiye Ostrova, Rusia pada pukul 7.05 malam ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam satu kenyataan berkata gempa itu berpusat 672 kilometer timurlaut Petropavlovsk Kamchatskiy, Rusia dan 7,013 kilometer timurlaut Kudat, Sabah.

Gempa itu tidak menimbulkan ancaman tsunami, kata kenyataan tersebut.

-- BERNAMA